

Lapangan terbang Langkawi dibesarkan

LANGKAWI, Ahad — Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Mat Sirat akan diperbesarkan bagi membolehkan pesawat lebih besar, termasuk Boeing 747 mendarat dan sekaligus menjadikan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima) 1995 lebih hebat dan menarik.

Ketika mengumumkan demikian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkafa kerajaan pada prinsipnya bersetuju melaksanakan projek berkenaan secepat mungkin.

Beliau berkata, sebolehnya kerajaan mahu projek itu disiapkan sebelum Lima '95 tetapi hasrat itu mungkin tidak dapat dicapai kerana ia membabitkan kerja menebus guna tanah di kawasan pantai berhampiran lapangan terbang.

"Kita sedang memikir untuk memanjangkan landasan dan bercadang su-

paya Boeing 747 dapat turun.

"Kalau boleh kerajaan mahu projek itu disiapkan sebelum Lima '95 tetapi kerja menebus guna tanah daripada laut mengambil masa sedikit untuk menyiapkan kerja menambak laut," katanya.

Bercakap di sidang akhbar selepas lawatan peribadi sehari di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak dapat memastikan bila projek itu dapat disiapkan tetapi akan memastikan ia siap.

Beliau juga tidak menyebut kos sebenar projek berkenaan dan bila ia akan mula dilaksanakan.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, kerajaan bercadang menjadikan burung helang sebagai identiti pulau ini sesuai dengan namanya yang diambil sempena burung itu yang berwarna coklat dan batu kawi.

Beliau berkata, sehubungan itu kerajaan sudah

menerima beberapa cadangan untuk membina mercu tanda bagi menonjolkan identiti pulau ini.

Mengenai hakisan tanah di jalan menuju puncak Gunung Raya Perdana Menteri berkata, ia berlaku berikutan hujan lebat dan menyebabkan jalan itu retak.

Menurutnya, kerajaan menjemput syarikat pembinaan yang membina jalan di Genting Highlands untuk membantu mengatasi masalah itu berdasarkan pengalaman mereka di samping berunding dengan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Dalam lawatan sehari itu, Perdana Menteri meninjau projek pembangunan di sekitar Gunung Raya, jeti penumpang di Kuah dan sekitar Pulau Rebak.

Beliau juga menyaksikan perlawanan pertunjukan jaguh badminton negara di kompleks sukan fasa dua Langkawi, di Jalan Kisap.